



30 September 2014  
30 September 2014  
P.U. (A) 265

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM,  
PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL  
DARIPADA AKTIVITI HARAM (PERISYTIHARAN WANG  
TUNAI DAN INSTRUMEN BOLEH NIAGA PEMBAWA)  
2014

*ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM  
FINANCING AND PROCEEDS OF UNLAWFUL ACTIVITIES  
(CASH AND BEARER NEGOTIABLE INSTRUMENTS  
DECLARATION) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN  
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN  
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM (PERISYTIHARAN WANG TUNAI  
DAN INSTRUMEN BOLEH NIAGA PEMBAWA) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 28B(1), 28C(1) dan 28E(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*], pihak berkuasa berwajib membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Perisytiharan Wang Tunai dan Instrumen Boleh Niaga Pembawa) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2014.

**Perisytiharan di bawah subseksyen 28B(1)**

2. Mana-mana orang yang meninggalkan atau memasuki Malaysia dengan suatu amaun wang tunai, instrumen boleh niaga pembawa atau kedua-duanya yang melebihi suatu amaun yang bersamaan dengan sepuluh ribu dolar Amerika Syarikat (USD10,000) hendaklah mengisytiharkan amaun itu kepada pihak berkuasa berwajib dalam Borang Kastam No. 22 sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Kastam 1977 [*P.U. (A) 162/1977*].

**Perisytiharan di bawah subseksyen 28C(1)**

3. (1) Mana-mana orang yang memindahkan ke dalam Malaysia melalui perkhidmatan pos, kiriman cepat atau penghantar muatan, atau melalui apa-apa cara lain, apa-apa wang tunai, instrumen boleh niaga pembawa atau kedua-duanya yang melebihi suatu amaun yang bersamaan dengan sepuluh ribu dolar Amerika Syarikat (USD10,000) hendaklah mengisytiharkan amaun itu kepada pihak berkuasa berwajib dalam Borang Kastam No. 1 sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Kastam 1977.

(2) Mana-mana orang yang memindahkan keluar dari Malaysia melalui perkhidmatan pos, kiriman cepat atau penghantar muatan, atau melalui apa-apa cara lain, apa-apa wang tunai, instrumen boleh niaga pembawa atau kedua-duanya yang melebihi suatu amaun yang bersamaan dengan sepuluh ribu dolar Amerika Syarikat (USD10,000) hendaklah mengisytiharkan amaun itu kepada pihak berkuasa berwibawa dalam Borang Kastam No. 2 sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Kastam 1977.

**Perisytiharan di bawah subseksyen 28E(1)**

4. Mana-mana orang yang menerima wang tunai atau instrumen boleh niaga pembawa atau kedua-duanya yang dipindahkan kepada orang itu dari luar Malaysia yang melebihi suatu amaun yang bersamaan dengan sepuluh ribu dolar Amerika Syarikat (USD10,000) hendaklah mengisytiharkan amaun itu kepada pihak berkuasa berwibawa dalam borang yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa.

**Pembatalan**

5. Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Deklarasi Wang Tunai dan Instrumen Pembawa Boleh Niaga) 2009 [P.U. (A) 464/2009] dibatalkan.

Dibuat 25 September 2014  
[PP (S) 0.491 SJ.1 JLD.4; PN(PU2)622/XVI]

TAN SRI DATO' SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ  
*Pihak Berkuasa Berwibawa*

ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM FINANCING AND PROCEEDS OF  
UNLAWFUL ACTIVITIES ACT 2001

ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM FINANCING AND PROCEEDS OF  
UNLAWFUL ACTIVITIES (CASH AND BEARER NEGOTIABLE INSTRUMENTS  
DECLARATION) ORDER 2014

IN exercise of the powers conferred by subsections 28B(1), 28C(1) and 28E(1) of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 [*Act 613*], the competent authority makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities (Cash and Bearer Negotiable Instruments Declaration) Order 2014**.

(2) This Order comes into operation on 1 October 2014.

**Declaration under subsection 28B(1)**

2. Any person leaving or entering Malaysia with an amount in cash, bearer negotiable instruments or both exceeding an amount equivalent to ten thousand United States dollars (USD10,000) shall declare such amount to the competent authority in the Form Customs No. 22 as prescribed in Part I of the Second Schedule of the Customs Regulations 1977 [*P.U. (A) 162/1977*].

**Declaration under subsection 28C(1)**

3. (1) Any person who moves into Malaysia through the postal, courier or freight forwarding services, or by any other means, any cash, bearer negotiable instruments or both exceeding an amount equivalent to ten thousand United States dollars (USD10,000) shall declare such amount to the competent authority in the Form Customs No. 1 as prescribed in Part I of the Second Schedule of the Customs Regulations 1977.

(2) Any person who moves out of Malaysia through the postal, courier or freight forwarding services, or by any other means, any cash, bearer negotiable

instruments or both exceeding an amount equivalent to ten thousand United States dollars (USD10,000) shall declare such amount to the competent authority in the Form Customs No. 2 as prescribed in Part I of the Second Schedule of the Customs Regulations 1977.

**Declaration under subsection 28E(1)**

4. Any person who receives cash or bearer negotiable instruments or both which is moved to the person from outside Malaysia exceeding an amount equivalent to ten thousand United States dollars (USD10,000) shall declare such amount to the competent authority in the form as the competent authority may specify.

**Revocation**

5. The Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing (Cash and Negotiable Bearer Instruments Declaration) Order 2009 [*P.U. (A) 464/2009*] is revoked.

Made 25 September 2014  
[PP (S) 0.491 SJ.1 JLD.4; PN(PU2)622/XVI]

TAN SRI DATO' SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ  
*Competent Authority*